



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN PROGRAM PENANAMAN  
ANAK POKOK SEMPENA SAMBUTAN HARI  
BUMI TAHUN 2021**

### OLEH

**YANG BERHORMAT TUAN JAGDEEP SINGH DEO A/L  
KARPAL SINGH**

AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU  
PINANG MERANGKAP PENGERUSI JAWATANKUASA  
PERUMAHAN, KERAJAAN TEMPATAN DAN PERANCANG  
BANDAR&DESA

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**22 APRIL 2021 (KHAMIS)**  
**9.00 PAGI**

**UPCYCLE PARK  
BANDAR PERDA**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan  
Perancangan Bandar & Desa

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai dan

Majlis Bandaraya Pulau Pinang

**Yang Berusaha Ir Hajah Rosnani Binti Mahmod**

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

**Bismillahhirahmannirrahim,**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,**

**Selamat pagi dan salam sejahtera,**

Alhamdullilah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama berkumpul dan bertemu pada pagi ini dalam Majlis Pelancaran Program Penanaman Anak Pokok Sempena Sambutan Hari Bumi Tahun 2021. Di bulan yang mulia ini, saya ingin mengucapkan kepada semua para hadirin yang beragama Islam, “**Selamat Menyambut Bulan Ramadhan**”. Bulan yang penuh barokah dan saya mengharapkan agar kita semua sentiasa melipat gandakan doa agar kita diberi kekuatan dan kesungguhan untuk melawan cabaran pandemik COVID-19 ini.

Izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap Penggerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa kerana sudi hadir untuk menyempurnakan majlis pada pagi ini.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis MBSP; Yang Berusaha Puan Setiausaha Bandaraya MBSP; Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan serta warga kerja MBSP; dan para hadirin yang dihormati sekalian kerana sudi hadir bersama untuk memeriahkan lagi majlis pada pagi ini. Tidak ketinggalan juga saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung yang telah memberi komitmen padu dalam menjayakan program pada hari ini.

### **Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

Sambutan Hari Bumi merupakan acara tahunan yang disambut pada 22 April setiap tahun di seluruh dunia bermula daripada tahun 1970 dan tahun ini merupakan Sambutan Hari Bumi yang ke-51. Sambutan ini adalah sebagai usaha menghargai bumi dan menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk melindungi bumi dan alam sekitar. Ianya juga mengajak orang awam untuk bersama-sama memainkan peranan masing-masing dalam mengamalkan gaya hidup hijau sebagai usaha dan sumbangan kepada generasi akan datang.

Tema Sambutan Hari Bumi 2021 kali ini adalah “*Restore Our Earth*”, yang memberi fokus kepada proses semulajadi (*natural processes*), kemunculan teknologi hijau (*emerging green technologies*) dan pemikiran inovasi (*innovative thinking that can restore the world’s ecosystems*) yang membolehkan ekosistem bumi dikembalikan. Tema “*Restore Our Earth*” menolak tanggapan bahawa mitigasi atau penyesuaian adalah satu-satunya cara untuk menangani perubahan iklim.

Justeru MBSP mengajak setiap orang dari rakyat Seberang Perai untuk “*Restore Our Earth*” melalui penanaman pokok di halaman rumah atau di komuniti masing-masing supaya menjadikan planet bumi ini kembali sihat. “*A healthy planet is not an option, it is necessary*”. MBSP juga telah memberi penekanan kepada *Circular Economy* dan *Digital Economy* untuk memberi fokus kepada proses semulajadi (*natural processes*), kemunculan teknologi hijau (*emerging green technologies*) dan pemikiran inovasi.

### **Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

Seberang Perai telah mensasarkan untuk menanam 100,000 batang pokok di seluruh Seberang Perai sebelum tahun 2022 dan sehingga kini 94,621 batang pokok telah pun ditanam. Sempena dengan “*Earth Day*

2021” iaitu hari ini 22 April 2021, marilah sama-sama kita menanam 50 batang pokok di Tecoma Park bersama-sama Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa, Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh.

### **Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

Hala tuju MBSP adalah jelas iaitu mensasarkan untuk mengurangkan 50% pelepasan karbon menjelang tahun 2022 iaitu pengurangan penghasilan karbon daripada 8.0 tan CO<sub>2</sub>e per kapita kepada 4.0 tan CO<sub>2</sub>e per kapita. Selain itu, sasaran menjadi *carbon neutral city* pada tahun 2030, dan menjadi *zero carbon city* pada tahun 2050. Satu rekod yang membanggakan iaitu penduduk Seberang Perai telah berjaya mengurangkan penghasilan GHG dari 8-ton CO<sub>2</sub>e pada tahun 2017 kepada 6.31-ton CO<sub>2</sub>e atau 21% pengurangan penghasilan karbon pada tahun 2020.

MBSP juga komited untuk bersama bandaraya-bandaraya lain di dunia untuk menangani perubahan cuaca supaya dapat menghadkan pemanasan global ke 1.5°C. MBSP telah menetapkan sasaran untuk menjadikan Seberang Perai sebuah Bandaraya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) dan

Bandaraya Pintar (*Smart City*) menjelang tahun 2022 dengan pelaksanaan berbagai program dan aktiviti di bawah Pelan Strategi Seberang Perai 2018 – 2022 bagi mencapai “Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu Oleh Teknologi”.

### **Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

MBSP merancang untuk menanam pokok-pokok di pelbagai lokasi yang mempunyai kawasan-kawasan lapang di Seberang Perai untuk mewujudkan kelompok *forest park*. Ini adalah menggunakan konsep “*tree bank*” di mana *forest park* ini akan membekalkan baka anak-anak pokok yang akan ditanam di tempat-tempat lain bagi menjimatkan kos. MBSP juga sedang dan akan menanam pokok buah-buahan sebagai kawasan “*food bank*” (bank makanan).

MBSP juga akan memperbanyakkan kawasan Eko Koridor di semua kawasan Seberang Perai bagi meningkatkan kualiti hidup penduduk Seberang Perai. Melalui inisiatif ini penduduk boleh beriadah bersama keluarga dan pada masa sama dapat nikmati kehidupan yang lebih sihat.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Sekali lagi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang bersama-sama menjayakan Program Penanaman Anak Pokok Sempena Sambutan Hari Bumi Tahun 2021. MBSP bertekad untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat bagi mencapai “Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan” atau “*Seberang Perai Aspiring City Of Tomorrow*”. Syabas dan tahniah sekali lagi buat semua.

Saya sudahi dengan **Wabillahi Taufik Wal Hidayah**,  
**Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

**Sekian, Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You.**